

**WEF 2023: Pertumbuhan ekonomi perlahan lebih buruk berbanding kemelesetan**  
**Astro Awani**  
**18 Januari 2023**  
**Harits Asyraf Hasnan**

**DAVOS:** Pertumbuhan ekonomi yang perlahan dijangka menjadi permasalahan utama ketika ini berbanding unjuran kemelesetan dalam kalangan negara-negara maju.

Ketua Ekonomi Automatic Data Processing (ADP), Nela Richardson berkata kemelesetan sering kali tidak berlaku dalam tempoh yang lama.

Sebaliknya, pertumbuhan ekonomi yang perlahan akan mengambil masa lama, sekaligus memberi pelbagai kemudaratatan kepada kehidupan rakyat dan negara.

"Apa yang akan berterusan adalah pertumbuhan perlahan dan itu benar-benar, dalam fikiran saya lebih teruk daripada kemelesetan, kerana pertumbuhan perlahan boleh berpanjangan untuk tempoh masa yang sangat lama.

"Jika anda teliti, terdapat tiga pemacu kepada punca kemelesetan.

"Pertama adalah perang di Ukraine, diikuti dasar kadar faedah tinggi yang memperlambatkan pertumbuhan ekonomi maju selain dasar sifar COVID yang kini telah dibatalkan di China, tetapi kesannya masih besar terhadap China," katanya pada Taklimat Ketua Ekonomi seiring Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Ketua Ekonomi Kumpulan AXA, Gilles Moec berkata beliau menjangkakan kemelesetan tahun ini berada di tahap yang sangat minima lantaran beberapa jangkaan 'malapetaka' sebelum ini tidak menjadi kenyataan.

"Jika saya mengambil Eropah sebagai contoh, tiga empat bulan yang lalu, pandangan secara konsensus mengatakan bahawa kita mungkin perlu berdepan krisis bekalan tenaga.

"Sebaliknya ia tidak menjadi kenyataan sejak daripada awal musim sehingga kita berbaki beberapa minggu lagi musim sejuk - kita berjaya mengelakkannya.

"Satu lagi perkara yang membuatkan kami percaya bahawa kemungkinan kemelesetan yang diolah (*engineered recession*) adalah disebabkan oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) yang mengawal sesuatu pada tahap tertentu.

"Perkara yang sama jika keadaan menjadi tidak terkawal atau terlalu teruk.

"Kini The Fed mempunyai kuasa untuk 'undur semula' perkara tersebut," katanya.

**© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd.**

**200001032668(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/wef-2023-pertumbuhan-ekonomi-perlahan-lebih-buruk-berbanding-kemelesetan-402409>